

BUKAN UNTUK DIEDARKAN, SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG, DI ATAU KE AMERIKA SYARIKAT



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk siaran segera
16 Januari 2026**

**PNB UMUM TAWARAN SULUNG SUKUK BOLEH TUKAR BERCAGAR
BERNILAI USD300 JUTA BAGI MEMPERKUKUH KEPELBAGAIAN
PORTFOLIO**

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan PNB untuk memperkukuh daya tahan portfolio serta memberikan pulangan mampan dan jangka panjang kepada pemegang unit

KUALA LUMPUR, 16 Januari 2026 – Permodalan Nasional Berhad (“**PNB**”) dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran dan penetapan harga tawaran sulung bagi Sukuk Boleh Tukar Bercagar bernilai USD300 juta (selepas ini dirujuk sebagai “Sukuk Boleh Tukar”) yang diterbitkan melalui sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang diperbadankan di Labuan, iaitu Lunas Capital II Ltd., dengan Lunas Capital I Ltd., sebuah syarikat tujuan khas yang diperbadankan di Labuan, sebagai pihak yang berkewajipan (obligor).

Sukuk Boleh Tukar tersebut merupakan satu inisiatif strategik yang dirancang untuk memperkukuh kepelbagaian portfolio melalui pengumpulan hasil dalam mata wang asing bagi pelaburan dalam aset global, khususnya sukuk global.

Tawaran bersejarah ini akan ditukar kepada saham biasa Gamuda Berhad (selepas ini dirujuk sebagai “Saham Asas”), sebuah syarikat kejuruteraan, hartanah dan infrastruktur yang mempunyai operasi di seluruh Asia, Australia dan United Kingdom. Hasil daripada tawaran ini akan diperuntukkan untuk pelaburan dalam aset sukuk global dengan gred pelaburan yang didenominasikan dalam dolar Amerika Syarikat (USD). Cadangan penerbitan Sukuk Boleh Tukar ini, dengan hasil yang akan diperuntukkan untuk pelaburan dalam aset sukuk global dengan gred pelaburan yang mematuhi Syariah dan didenominasikan dalam USD, menunjukkan komitmen PNB terhadap amalan pelaburan patuh Syariah. Selain itu, Sukuk Boleh Tukar ini juga berfungsi sebagai lindung nilai semula jadi

terhadap mata wang bagi pelaburannya dalam aset sukuk global yang didenominasikan dalam USD.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, "Kami terus melaksanakan inisiatif berwawasan dan inovatif bagi memastikan portfolio kami kekal berdaya tahan dan relevan dalam landskap pelaburan yang semakin kompleks. Tawaran Sukuk Boleh Tukar ini membolehkan kami memanfaatkan nilai pegangan ekuiti domestik, mengurangkan risiko pertukaran asing, serta menyediakan kepelbagaian yang lebih besar selaras dengan Perumpukan Aset Strategik di bawah Pelan Strategik LEAP 6 kami. Secara keseluruhannya, langkah ini selaras dengan komitmen kami untuk mencapai prestasi secara berhemat, disokong oleh tadbir urus yang rapi dan pengurusan risiko yang mampan, seterusnya memastikan nilai jangka panjang bagi para pemegang unit."

Sukuk Boleh Tukar ini mempunyai tempoh matang selama lima tahun, dengan pilihan jual (put option) untuk pelabur yang boleh dilaksanakan pada akhir tahun ketiga. Kualiti kredit Sukuk Boleh Tukar ini dipertingkatkan melalui cagaran yang disediakan oleh Lunas Capital I Ltd. bagi pihak pemegang Sukuk Boleh Tukar, yang merangkumi Saham Asas serta aset sukuk global yang didenominasikan dalam USD.

Kualiti kredit yang kukuh, dipadankan dengan asas yang mantap bagi Saham Asas, membolehkan Sukuk Boleh Tukar ini ditawarkan dengan kadar keuntungan yang menarik iaitu sifar peratus dengan premium pertukaran sebanyak 10%. Tawaran ini menerima sambutan positif daripada komuniti pelabur berkaitan ekuiti, termasuk pelabur jangka panjang dan pelbagai strategi di seluruh Asia dan Eropah.

Tawaran ini dijangka dapat meluaskan landskap instrumen boleh tukar yang diniagakan secara global di Malaysia serta menyokong pertumbuhan dan kecairan pasaran modal domestik. Momentum berterusan ini mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap pembiayaan patuh Syariah dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu pasaran sukuk terbesar di dunia, menawarkan

peluang pelaburan yang pelbagai serta berperanan sebagai tunjang kepada pasaran pendapatan tetap negara secara keseluruhan.

CIMB dan J.P. Morgan bertindak sebagai Pengurus Utama Tawaran Bersama dan Pengurus Utama Bersama bagi transaksi ini.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad